

**Gandingan Muka Baru Dan Lama Perkasakan Umno - Syed Ali Bernama**  
**28 Aug, 2013**

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- UMNO akan lebih mantap apabila barisan kepimpinan tertingginya bakal menggandingkan muka lama dan baru khususnya generasi muda menjelang perhimpunan agung parti Oktober ini, kata seorang pemimpin parti.

Ketua UMNO Bahagian Cheras Datuk Seri Syed Ali Alhabshee berkata, berdasarkan perkembangan semasa jelas memperlihatkan ramai muka baru menawarkan diri bertanding untuk jawatan Majlis Tertinggi termasuk barisan Exco Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO.

Bagaimanapun, beliau mengulangi nasihatnya supaya mereka yang bertanding mematuhi peratutran yang ditetapkan termasuk tidak menyebarkan fitnah serta serangan peribadi terhadap calon tertentu.

"Saya melihat kesediaan ramai muka baru termasuk golongan muda bersedia menawarkan khidmat kepada parti sebagai satu perkembangan positif dan sekaligus akan memperkasakan lagi perjuangan UMNO," tegasnya dalam laman blog [www.umnobahagiancheras.blogspot.com](http://www.umnobahagiancheras.blogspot.com)

Syed Ali berkata, UMNO mempunyai banyak pemimpin muda yang berkelibar dengan pelbagai latar belakang ilmu dan kepakaran yang merupakan input amat bernilai untuk dimanfaatkan oleh parti bagi mengharungi masa depan yang lebih cemerlang.

"Oleh sebab itu saya melihat kesediaan mereka (golongan muda) untuk turut bergandingan dengan muka lama yang lebih berpengalaman adalah satu perkembangan yang amat baik dan sewajarnya diberikan sokongan.

Beliau berkata UMNO memerlukan barisan kepimpinan yang mantap dan berwibawa bagi mengemudikan halatuju parti yang sedang berdepan dengan pebagai cabaran semasa khususnya selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13.

Sebagai tulang belakang kerajaan Barisan Nasional (BN), UMNO yang menaungi kepentingan majoriti umat Melayu di negara ini perlu diperkasakan sejajar dengan transformasi politik yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Sehubungan itu jelas beliau, kesediaan beberapa tokoh lama untuk berundur bagi memberi laluan kepada muka baru juga membuktikan UMNO tidak ketandusan pemimpin dan mereka yang berkelibar sewajarnya diketengahkan.

"Perlu diingatkan bahawa pemimpin pergi dan datang adalah perkara lumrah tetapi perjuangan UMNO perlu disemarakkan dengan perjuangan yang lebih kental," ujarnya sambil menyifatkan keputusan Tan Sri Rafidah Aziz untuk tidak mempertahankan jawatan Majlis Tertinggi UMNO sebagai contoh yang patut dihargai.

Rafidah yang juga bekas Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia merupakan ahli Majlis Tertinggi yang paling lama berkhidmat iaitu selama 35 tahun sejak di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein sebagai Presiden UMNO.

Rafidah mengumumkan kelmarin bahawa beliau tidak akan bertanding mempertahankan kedudukannya sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO pada pemilihan kali ini bagi memberi laluan kepada golongan muda.

Menurut Syed Ali lagi, Rafidah telah menunjukkan sikap kepimpinan yang baik apabila rela berundur dengan bagi memberi laluan kepada muka-muka baru untuk meneruskan kesinambungan perjuangan UMNO.

"Langkah Rafidah wajar dicontohi oleh mana-mana pemimpin untuk sedia berundur apabila masanya sudah sampai untuk berbuat demikian," ujarnya.

Tambah beliau lagi, ruang kepada setiap ahli dan pemimpin mencurahkan khidmat bakti kepada UMNO sentiasa terbuka walaupun tidak memegang sebarang jawatan penting dalam parti.

"Tidak memegang jawatan dalam UMNO pun kita masih boleh berkhidmat kepada parti, asalkan niat kita ikhlas dan bertanggungjawab terhadap perjuangan dan setia kepada pemimpin," tegasnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=973231>